



DEBAR-DEBAR!!!

■ Penduduk risau gelombang kedua bah akibat air pasang besar hari ini

**Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque**
ekhwan@hmetro.com.my
Kuala Selangor

Gelombang kedua banjir kemungkinan akan berlaku di kawasan rendah di daerah ini berikutan fenomena air pasang besar yang dijangka terjadi hari ini sehingga penghujung bulan ini.

Fenomena itu diramalkan akan berlaku oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan ombak di kawasan perairan Selangor boleh mencecah ketinggian minimum lima meter.

Pegawai Daerah Kuala

Selangor yang juga Pengerusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor berkata, fenomena itu disebabkan luran angin Monsun Timur Laut bermula Khamis atau Jumaat ini.

Beliau berkata, justeru penduduk di kawasan rendah diminta bersedia berdepan situasi itu.

Menurutnya, pertembungan air pasang besar dari laut dan sungai menyebabkan limpahan berlaku.

"Berdasarkan ramalan, banjir mungkin berlaku teruta-

manya di kawasan rendah, jadi kami bersama agensi berkaitan sudah bersiap sedia," katanya dalam sidang media di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, di sini, semalam.

Katanya, untuk menghadapi banjir gelombang kedua, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor giat meninggikan tebing sungai untuk memastikan tidak berlaku limpahan.

Beliau berkata, proses mengepam air ban-

jir menggunakan lima pam giat dijalankan dan menunjukkan perkembangan positif apabila air di kawasan terjejas makin surut.

"Setakat ini beberapa kampung di Bestari Jaya dilaporkan dinaiki air, tetapi tidak kritikal dan penduduk masih boleh tinggal di rumah masing-masing kerana kawasan itu masih selamat.

"Beberapa kawasan di Kuala Selangor masih diisytiharkan bencana tahap satu namun ia akan ditarik semula apabila keadaan semakin pulih," katanya.

Setakat jam 1 petang semalam, 581 mangsa daripada 123 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara di sekitar daerah ini.

